

# Kahwin Lewat Dan Kesukaran Mencari Calon Pasangan yang Sesuai: Dapatan Awal

*(Late Marriage and Difficulties in Finding Suitable Partners: Preliminary Findings)*

Siti Halimah Putung<sup>1</sup>, Nur Shafiekah Sapan<sup>1\*</sup>, Siti Nurul Aishah Abdul Hamid<sup>1</sup>,  
Siti Aishah Ramli<sup>1</sup>, Nadiah Rus Liyana Rusli<sup>1</sup>, Nurul Ain Zulhaimi<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, Labuan, Malaysia

\* Pengarang Koresponden: [nurshafiekah@ums.edu.my](mailto:nurshafiekah@ums.edu.my)

Received: 13 December 2025 | Accepted: 17 February 2026 | Published: 1 March 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2026.8.1.43>

**Abstrak:** Artikel ini melaporkan dapatan awal mengenai faktor perkahwinan lewat dan kesukaran menemukan calon pasangan yang berpotensi dalam kalangan individu bujang. Memandangkan tren perkahwinan lewat hari ini semakin ketara seiring dengan permodenan dunia dan pembangunan negara. Di Malaysia, umur lelaki dan wanita yang berkahwin buat kali pertama semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ketiadaan dan kesukaran menemukan calon pasangan yang sesuai merupakan faktor utama menyumbang kepada perkahwinan lewat terutamanya wanita. Kajian kualitatif menggunakan temu bual separa berstruktur terhadap lelaki dan wanita bujang yang beragama Islam dan berusia 30 tahun ke atas di W.P. Labuan dijalankan. Dapatan awal mengenal pasti tiga tema utama yang mempengaruhi keputusan peserta melewati perkahwinan, iaitu keutamaan terhadap kerjaya, ketiadaan faktor penolak emosi dan keluarga serta kesukaran memperoleh calon pasangan yang berpotensi. Faktor yang menyumbang kepada kesukaran tersebut termasuklah standard yang tinggi dalam pemilihan calon, ketidaksepadanan kerjaya dan agama, keterbatasan interaksi dan jaringan sosial, penampilan fizikal dan usia serta persepsi dan jangkaan sosial. Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan bahawa fenomena kahwin lewat dalam kalangan peserta merupakan hasil interaksi antara keutamaan hidup, peluang sosial yang terhad dan jangkaan kesepadanan dalam memilih pasangan. Walaupun peserta tidak berasa tertekan untuk berkahwin, batasan dari segi jaringan sosial dan penilaian sosial terhadap calon pasangan yang dianggap sesuai menyebabkan proses mencari jodoh menjadi lebih mencabar. Kajian ini menegaskan keperluan memahami keputusan melewati perkahwinan sebagai satu proses yang kompleks, dipengaruhi oleh norma sosial, struktur peluang, serta pertimbangan individu terhadap keserasian pasangan.

**Kata kunci:** Kahwin Lewat; Bujang Lewat Usia; Mencari Pasangan; Pasangan Sesuai

**Abstract:** This article reports preliminary findings regarding the factors contributing to delayed marriage and the challenges of finding potential partners among single individuals. This trend has become increasingly prominent in line with global modernisation and national development. In Malaysia, the age of first-time marriage for both men and women has increased over the years. The lack of suitable candidates and the difficulty in finding a partner are identified as primary contributors to delayed marriage, particularly among women. This qualitative study utilised semi-structured interviews involving single Muslim men and women

aged 30 and above in the Federal Territory of Labuan. Preliminary findings identified three main themes influencing participants' decisions to delay marriage: prioritisation of career, the absence of emotional and family push factors, and the difficulty of finding a potential partner. Contributing factors to these difficulties include high standards in partner selection, career and religious incompatibility, limited social interaction and networks, physical appearance and age, as well as social perceptions and expectations. These findings suggest that the phenomenon of delayed marriage among the participants is the result of the intersection of personal life priorities, limited social opportunities, and expectations regarding partner compatibility. While participants do not feel pressured to marry, limitations in social networking and the social evaluation of the suitability of a partner make the process of finding a match more challenging. This study emphasises the need to understand the decision to delay marriage as a complex process influenced by social norms, opportunity structures, and individual considerations regarding partner compatibility.

**Keywords:** Late Marriage; Delayed Marriage; Older Singles; Finding A Partner; Suitable Partner

---

## 1. Pendahuluan

Perkahwinan lewat hari ini semakin ketara seiring dengan permodenan dunia dan pembangunan negara. Dalam konteks Malaysia, terdapat perubahan ketara dalam tren perkahwinan sepanjang beberapa dekad yang lalu. Umur lelaki dan perempuan yang berkahwin buat kali pertama semakin meningkat dari tahun ke tahun. Purata umur wanita berkahwin meningkat dari 23.5 tahun pada tahun 1980 kepada 28.1 tahun pada tahun 2020. Manakala purata umur lelaki berkahwin pada tahun 1980 ialah 25.5 tahun kepada 28 tahun pada tahun 2020.

Tren perkahwinan lewat mengundang pelbagai implikasi kepada individu terutama wanita, institusi keluarga, masyarakat dan negara. Antara implikasi yang sering dibincangkan ialah isu kesuburan (CA & ICA, 2018), kelewatan mendapat anak, perubahan struktur kependudukan dan urbanisasi, peningkatan populasi warga emas serta kebergantungan kepada tenaga kerja asing (Nik Norliati Fitri & Usman, 2014). Perkahwinan lewat juga dikaitkan secara tidak langsung dengan cabaran sosial dan moral seperti pergaulan bebas, seks bebas, zina dan lain-lain (Siti Zalehah, 2017). Peningkatan seks luar perkahwinan hari ini amat membimbangkan. Data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendedahkan bahawa antara tahun 2013 dan 2016, terdapat 159,725 kelahiran yang didaftarkan merupakan anak yang dikandung di luar perkahwinan (Othman et al., 2023). Generasi hari ini semakin terdedah kepada hubungan seks luar perkahwinan yang boleh mengakibatkan mereka lalai dan menimbulkan masalah sosial yang akhirnya melewati masa perkahwinan (Siti Haizani & Zaimah, 2022). Oleh hal yang demikian, tren kahwin lewat ini tidak wajar dipandang sebagai isu peribadi semata-mata sebaliknya isu sosial yang perlu diberi perhatian (Suresh Kumar & Noridawati, 2021).

Menyedari implikasi tersebut justeru telah dijalankan beberapa kajian bagi memahami fenomena kahwin lewat dalam konteks Malaysia, antaranya kajian Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN). Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (2014) mendapati faktor kewangan (56.0%), ketiadaan calon yang sesuai (18.4%) dan tumpuan terhadap kemajuan kerjaya (9.4%) sebagai halangan perkahwinan dalam kalangan lelaki. Manakala faktor utama yang menghalang wanita daripada berkahwin ialah ketiadaan calon yang sesuai (35.7%), masalah kewangan (26.0%) dan tumpuan terhadap

kemajuan kerjaya (18.1%). Dapatan ini menunjukkan ketiadaan calon yang sesuai merupakan faktor signifikan yang menyumbang kepada perkahwinan lewat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada perkahwinan lewat dengan memberi penekanan khusus kepada pengalaman peserta dalam menemukan calon pasangan yang berpotensi.

## 2. Ulasan Kajian Lepas

Kahwin lewat merujuk kepada perkahwinan yang berlaku pada usia yang dianggap lewat daripada kebiasaan dalam sesebuah masyarakat. Untuk mengklasifikasikan seseorang itu berkahwin pada usia yang lewat atau tidak, bergantung kepada 'uruf' atau kebiasaan suatu tempat dan perubahan gaya hidup masyarakat (Nurul Izati et al., 2025). Di Malaysia, individu lelaki dan wanita tanpa mengira kaum, bangsa dan agama yang masih belum berkahwin pada usia 30 tahun ke atas dianggap lewat berkahwin (Nurishah, 1990). Tren kahwin lewat ini berlaku di seluruh dunia tidak terkecuali Malaysia. Antara faktor utama yang menyumbang kepada tren perkahwinan lewat hari ini ialah pendidikan dan kerjaya. Melanjutkan pendidikan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi mendorong seseorang untuk mengutamakan pembangunan diri dan kerjaya sebelum mempertimbangkan untuk berkahwin (Abdul Shukur et al., 2021; Bhawna Vijay, 2021). Bagi wanita berpendidikan, perkahwinan tidak lagi menjadi keutamaan mereka kerana ingin mencapai kestabilan kerjaya terlebih dahulu (Kumar, 2021; Mastur et al., 2023; Peng, 2010).

Selain itu, faktor ekonomi seperti kos sara hidup yang tinggi, perbelanjaan perkahwinan yang semakin tinggi merupakan halangan utama mengapa lelaki mahupun wanita melewatkan perkahwinan sehingga kewangan mereka benar-benar stabil (Abdul Shukur, et al., 2021; Mohd Salehuddin & Mohd Zulhilmi, 2016; Vijay, 2024; Kumar, 2021). Nilai wang hantaran perkahwinan pada masa kini semakin meningkat dikaitkan dengan tahap pendidikan calon isteri. Misalnya nilai hantaran bagi calon yang berkelulusan sekolah rendah bermula RM2000-4000, lulusan sekolah menengah, RM4000-8000, lepasan STPM dan Diploma RM8000-12000. Sementara nilai hantaran bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda, antara RM12000-15000. Pemegang Ijazah Sarjana RM15000-20000 dan pemegang Ijazah Kedoktoran nilai hantarnya boleh mencecah RM30000 (Nurul Izati et al., 2025). Penetapan nilai hantaran yang tinggi mengakibatkan hasrat lelaki untuk berkahwin pada usia yang lebih muda ditunda kerana tidak mampu memenuhi permintaan keluarga perempuan (Syh Noorul Madiah, 2017). Kesannya perkahwinan lewat dalam kalangan lelaki hari ini semakin tinggi.

Selain daripada faktor pendidikan, kerjaya dan ekonomi, ketiadaan calon yang dianggap sesuai merupakan faktor utama terutamanya wanita melewatkan perkahwinan (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2017). Ketiadaan calon pasangan yang sesuai tidak hanya menjadi halangan utama lelaki dan wanita di Malaysia melewatkan perkahwinan bahkan di negara-negara lain turut mengalami perkara yang sama (Nurul Ain & Suresh, 2022; Bagi, 2023; Shukur et al., 2021; Mastur et al., 2023). Ini kerana mencari pasangan yang sesuai merupakan langkah pertama yang sangat penting dalam mempersiapkan perkahwinan kerana perkahwinan tidak dibangunkan untuk ketenangan dan kebahagiaan yang bersifat sementara tetapi untuk kehidupan sepanjang hayat. Lantaran itu, pemilihan pasangan yang sesuai antara perkara utama yang akan dipertimbangkan dalam merealisasikan sebuah perkahwinan (Fatimah et al., 2010). Bagaimanapun jangkaan yang terlalu tinggi terhadap calon pasangan dengan meletakkan kriteria-kriteria tertentu, mendorong kepada perkahwinan di usia yang lewat. Sikap wanita yang terlalu cerewet dalam memilih pasangan antara cabaran dalam mendirikan rumah tangga (Siti Haizani & Zaimah, 2022). Wanita didapati mempunyai keinginan untuk berkahwin

sekiranya menemukan pasangan yang sesuai iaitu baik dan matang sebagai ciri utama yang dicari (Azman et al.,2015). Sementara lelaki lebih suka memilih wanita yang lebih muda dan mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah (Becker, 1974).

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif bagi memahami secara mendalam pengalaman peserta berkaitan isu perkahwinan lewat. Tiga orang peserta dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) iaitu individu bujang berumur 30 tahun ke atas, beragama Islam, bekerja atau menetap di Wilayah Persekutuan Labuan. Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam (in-depth interview) secara bersemuka. Soalan temu bual berbentuk separa berstruktur bagi memastikan fleksibiliti dalam penerokaan tema berkaitan faktor dan pengalaman perkahwinan lewat. Data dianalisis menggunakan analisis tematik. Proses analisis dilakukan secara manual bagi memastikan interpretasi yang lebih teliti dan reflektif.

### 4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan awal menunjukkan beberapa faktor penting menjelaskan mengapa peserta kajian melewati perkahwinan. Faktor ini dapat dikategorikan kepada faktor utama dan faktor sampingan. Faktor utama perkahwinan lewat kerana ketiadaan atau kesukaran menemukan calon pasangan yang sesuai selain memberi keutamaan kepada kerjaya. Sementara faktor sampingan yang turut menyumbang kepada perkahwinan lewat ialah ketiadaan faktor penolak emosi dan keluarga.

#### 4.1 Ketiadaan atau kesukaran menemukan calon pasangan yang bersesuaian

Dapatan kajian mendapati ketiadaan atau kesukaran peserta mendapatkan calon pasangan yang sesuai atau berpotensi disebabkan oleh perkara-perkara berikut;

##### Standard pemilihan pasangan tinggi

Standard pemilihan pasangan yang tinggi oleh peserta atau keluarga menyebabkan kesukaran menemukan calon pasangan berpotensi dan bersesuaian. Keinginan untuk mencari pasangan yang berkualiti dan terbaik menyebabkan peserta menghadapi kesukaran mendapat atau menemukan calon pasangan yang bersesuaian. Peserta juga sangat berhati-hati dan selektif dalam memilih calon pasangan kerana menganggap perkahwinan hanya sekali seumur hidup dan merupakan komitmen sepanjang hayat.

*“Saya rasa memilih tu penting. Kita mesti berkahwin yang terbaik. Sebab kita mahu kahwin ni kan sekali dan kita seumur hidup kan maksudnya mahu hidup lepas tu”.*  
Peserta 2

*“Kalau orang lain saya tidak tahu kalau saya lewat tu sebenarnya bagi saya kahwin saya ni hanya sekali. Saya tiada masalah untuk yang calon lah, anytime saya boleh kahwin, but kita mau cari yang berkualiti lah, sebab bila kita tengok ledakan media sosial pun, kita tengok seorang calon bagus, tapi we can see kan dekat sosial media dia lain pula. Banyak saja orang yang bagus kan. Tapi kita mahu pilih yang terbaik yang terbaik. Kalau kita pilih yang lain ini bagus, kita boleh tengok dekat media sosial dia lain pula kan, something begitulah”.*

Peserta 3

Ledakan media sosial hari ini menjadikan proses pencarian calon yang berkualiti dan terbaik menjadi lebih rumit dan mencabar. Menurut peserta 3, seseorang yang kelihatan baik secara zahir belum tentu baik apabila berada di alam maya iaitu di media sosial. Kesukaran menemukan calon pasangan yang dapat memenuhi standard peserta ini membawa kepada penangguhan perkahwinan.

Tidak hanya itu, standard tinggi yang ditetapkan oleh ibu bapa juga menyumbang kepada kesukaran peserta menemukan calon pasangan. Misalnya peserta 2, mengakui bapanya secara jelas menyebutkan pekerjaan menantu yang diinginkan adalah ‘kerja government’ iaitu golongan professional seperti jurutera, doktor dan lain-lain. Penetapan kriteria seumpama ini mengakibatkan peserta tidak pernah memperkenalkan mana-mana rakan lelaki yang tidak menepati kriteria pekerjaan sebagaimana dikehendaki bapanya meskipun rakan lelaki tersebut berpotensi sebagai calon pasangan hidup.

*“Satu lagi bapa saya kak, satu-satunya lah kenapa mungkin saya pun susah sangat, kalau orang cakap saya memilih ya saya memilih. Saya mengaku sebab bapak saya tu. dia selalu akan cakap gini, bila bapak saya sebut dia mahu pekerjaan menantu dia tu kerja government, satu, dia akan sebut macam ni Engineer, Doktor. Hah cikgu pun nda seb ut, tapi memang itulah. Sebab tu bila dia sebut contoh-contoh pekerjaan untuk menantu dia tu. Hah dia sebut yang tinggi-tinggi ni kak. Jadi saya rasa bapak ni memilih jugalah kriteria yang tertentu, jadi di situ saya macam bila saya berkawan dengan lelaki yang tidak menepati kriteria kerja tu yang bukan government. Saya ndak bawa balik saya ndak beritahu walaupun saya rasa macam potensi tu gitu kan”.*

Dapatan ini menunjukkan ketiadaan atau kesukaran menemukan calon pasangan yang sesuai disebabkan calon tidak menepati standard yang dikehendaki peserta atau ibu bapa membawa kepada penangguhan perkahwinan. Penemuan ini selaras dengan dapatan Saima et.al, 2022, bahawa individu yang ingin berkahwin atau keluarga mereka mencari calon yang mempunyai kriteria tertentu khususnya tahap pendidikan, pekerjaan dan status ekonomi. Kegagalan mendapatkan calon yang dapat memenuhi standard yang dikehendaki menyebabkan proses pencarian jodoh menjadi panjang dan menyumbang kepada kahwin lewat.

Dapatan ini dapat dikaitkan dengan Teori Keutamaan Pasangan (Mate Preference Theory) yang menjelaskan bahawa individu mempunyai keutamaan khusus terhadap ciri pasangan yang ideal, seperti pendidikan, kestabilan ekonomi, keperibadian, nilai agama dan sebagainya. Keutamaan khusus ini menyebabkan calon pasangan yang tidak memenuhi standard akan ditolak meskipun peluang perkahwinan wujud (Buss, 1986)

### **Tidak sekufu**

Kesetaraan atau sekufu antara pasangan yang ingin berkahwin menjadi aspek penting yang mempengaruhi peserta dan masyarakat dalam menilai kesesuaian calon. Lantaran itu, ketidaksetaraan atau tidak sekufu antara peserta dengan calon dari segi pekerjaan dan sosio-ekonomi mengakibatkan kesukaran kepada peserta khususnya wanita menemukan calon berpotensi. Menurut peserta 2, sangat kurang atau jarang bertemu dengan calon yang mempunyai pekerjaan yang setara dengan beliau sebaliknya kebanyakan mereka mempunyai pekerjaan yang lebih rendah daripada beliau. Kesepadanan pekerjaan menjadi faktor yang dititikberatkan dalam pemilihan calon pasangan bagi mengelak sebarang implikasi negatif di kemudian hari dalam kehidupan berumahtangga.

*“Memang jarang lah kak nak dapat orang yang macam-kerja yang sama level. Mesti memang yang... sama ada bawah-bawah kan. Jadi macam saya pun ya lah memang lah saya cakap saya nda memilih juga dari segi pekerjaan tu, tapi bila saya fikir-fikir nanti kan. Maksudnya saya takut itu akan membawakan kepada saya yang akan mungkin maksudnya macam gitu kan. Jadi baik saya macam elak dulu”.*

Peserta 2

Demikian juga masyarakat mengambil kira faktor sekufu dalam memadankan atau menjodohkan seseorang. Peserta 1 mengakui adiknya pernah mencadangkan kepada kawannya untuk memperkenalkan beliau dengan abang kawannya tetapi cadangan tersebut ditolak setelah mengetahui status pekerjaan beliau dengan calon yang ingin diperkenalkan tidak setara.

*“Kawannya tu ada abang, lepas tu bila dia bercerita dengan kawannya tu, kawannya tu memang bagitahu oh abang saya pun belum kahwin, lepas tu macam lebih kurang umur kan, oh bolehkah kenalkan dengan kakak saya macam tu kan, lepas tu dia tanya oh kakak kau kerja di mana? kakak saya kerja di universiti oh tak payahlah sebab abangku ni macam kerja biasa-biasa je”.*

Peserta 1

Hal ini menggambarkan norma sekufu atau kesetaraan masih mempengaruhi masyarakat dalam menilai kesesuaian calon. Keadaan ini memberi kesan kepada peluang peserta menemukan calon berpotensi. Dalam perspektif Islam sememangnya aspek sekufu antara perkara penting yang dititikberatkan dalam perkahwinan atau pemilihan pasangan bagi memastikan keserasian agama, akhlak dan latar sosial pasangan (Zamali et.al, 2014). Menurut al-Zuhayli (2002) sekufu dari aspek sosial antara suami dan isteri, bertujuan untuk memastikan keamanan dan kebahagiaan rumah tangga. Ini kerana kebiasaannya, pasangan yang sekufu mempunyai cara hidup yang tidak jauh berbeza dan ini memudahkan proses penyesuaian dalam kehidupan berumah tangga. Pun begitu, sekufu dari segi agama dan akhlak lebih diutamakan.

### **Faktor fizikal**

Tidak dinafikan dalam dunia moden dan masyarakat yang lebih terbuka hari ini, aspek fizikal masih menjadi keutamaan dalam pemilihan pasangan. Lantaran itu, dapatan awal menunjukkan faktor fizikal seperti penampilan dan usia turut menyumbang kepada kesukaran peserta menemukan calon pasangan berpotensi. Menurut salah seorang peserta antara perkara-perkara yang mempengaruhi/memberi kesan kepada peluang beliau bertemu calon pasangan ialah faktor fizikal seperti berat badan dan usia.

*“Ada jugalah dua tiga orang yang saya ada bermesej lah maksudnya macam tu kan. Ada satu tu calon tu dia macam tanyalah berat berapa. Macam tu kan jadi saya macam ish nda seronok lah pula macam gini kan haa”.*

*“Maksudnya bila saya macam sudah berumur 38 ni orang yang mungkin umur macam saya juga. Diorang mungkin mau orang yang lagi muda. Diorang mungkin macam kurang...mungkin bila prefer tu. Orang prefer yang muda sikit lah”.*

Peserta 2

Pertanyaan mengenai ‘berat badan’ menggambarkan kecenderungan sesetengah calon memilih pasangan berdasarkan faktor fizikal. Pertanyaan seumpama ini agak sensitif dan mengundang ketidakselesaan emosi dalam diri peserta sehingga menutup peluang untuk interaksi

selanjutnya. Selain itu, faktor usia juga turut dikaitkan dengan peluang peserta bertemu pasangan. Menurut peserta 2, individu seusianya mungkin lebih memilih pasangan yang lebih muda. Ini bermakna semakin lanjut usia semakin kurang pilihan.

Dapatan ini selaras dengan kajian-kajian lepas dan teori pemilihan pasangan bahawa lelaki lebih cenderung memilih pasangan yang lebih muda. Sebaliknya wanita lebih cenderung memilih pasangan yang sebaya atau lebih berusia dari mereka (Antfolk J., 2017). Lelaki lebih mementingkan daya tarikan fizikal dalam memilih pasangan berbeza dengan wanita yang lebih menitikberatkan faktor kewangan/ekonomi (Buss, D. M., 1989; Puteri Amylia & Suzana, 2019; Indah Puji et.al, 2021;). Kecenderungan yang berbeza antara lelaki dan wanita ini mewujudkan ketidakpadanan dalam pasaran perkahwinan dan seterusnya menyumbang kepada penangguhan perkahwinan.

### **Kurang bergaul dan jaringan sosial terbatas**

Interaksi merupakan faktor utama dalam proses menjalinkan hubungan sesama manusia. Semakin banyak berinteraksi, semakin banyak mengenali orang dan ini meningkatkan peluang bertemu calon pasangan. Lantaran itu, kurang bergaul atau bersosial serta jaringan sosial yang terhad menyumbang kepada faktor ketiadaan atau kesukaran peserta menemukan calon pasangan berpotensi. Masa lapang yang banyak dihabiskan di rumah dan kurang terlibat dengan aktiviti luar kecuali di tempat kerja mengurangkan peluang peserta bertemu dengan ramai orang termasuk individu yang berpotensi menjadi pasangan hidup.

*“Macam kurang sikit bergaul dengan orang kan, lagi-lagi saya kan tak banyak juga kenal orang. Jadi hujung minggu memang di rumah je kan. Jadi bila kurang jumpa orang tu, calon pun kurang terjumpa lah. Jadi bila tak terjumpa calon tu jadi macam memang tak ada calon ni. Saya kan macam susah sikit nak kenal dengan orang kan. Bila nak bergaul, kalau bergaul pun macam lagi paling-paling di tempat kerja je. Kalau hujung minggu selalunya saya memang selagi tiada program yang melibatkan”.*

Peserta 1

Kesukaran untuk bergaul tidak hanya menghalang pertambahan jaringan sosial, bahkan turut menjadikan peluang untuk bertemu calon pasangan semakin sempit. Dapatan kajian Fubing Mao et al. (2020) menunjukkan bahawa semakin padat rangkaian sosial seseorang, semakin tinggi kemungkinannya untuk dipadankan dengan seseorang yang mempunyai nilai yang hampir sama dengan dirinya. Sebaliknya, kurang hubungan sosial atau jaringan sosial yang terhad mempunyai peluang yang lebih kecil untuk menemui pasangan yang sesuai. Justeru dapat dikatakan ketiadaan atau kesukaran menemukan calon pasangan berawal daripada kesukaran seseorang bergaul serta jaringan sosial yang terhad menutup peluang bertemu calon pasangan berpotensi.

### **Persepsi dan jangkaan masyarakat**

Selain itu, persepsi dan jangkaan masyarakat juga turut menyumbang kepada kesukaran menemukan calon berpotensi. Persepsi dan jangkaan-jangkaan yang wujud dalam masyarakat membentuk halangan awal kepada interaksi atau hubungan sosial. Misalnya salah seorang peserta mengakui bahawa rakan-rakan lelaki segan berkawan dengannya kerana beliau merupakan anak ustaz. Menurut peserta, rakan-rakannya berasa rendah diri berkemungkinan disebabkan mereka ‘tak pandai sangat agama’ atau kurang pengetahuan agama.

*“Sama satu lagi saya pernah dengar begini kak. Yang ni time saya lepas baru habis belajar, masa tengah part time tu kan, diorang ma cam ni seganlah mau berkawan dengan saya ni. Sebab satu diorang kenal bapak saya siapa. Jadi sebab bila saya sudah kena cop sebagai ‘anak ustaz’ macam tu kan. Jadi diorang rasa rendah diri mungkin sebab faktor diorang ni tak pandai sangat agama begitu. Jadi diorang memula tu pun diorang takut macam tu. Jadi diorang cakap macam seganlah dengan saya ni, kami kan macam tak pandai sangat agama begitu kan. Yang tu diorang pernah cakap dengan saya juga. Sampai lah saya di kampung semua macam kalau tanya oh anak siapa anak cikgu X Dengan ustaz Y diorang tahulah macam tu”.*

Peserta 1

Identiti sebagai ‘anak ustaz’ membentuk persepsi dan jangkaan masyarakat bahawa peserta mempunyai ilmu agama yang baik dan taat beragama. Oleh hal yang demikian individu atau rakan-rakan lelaki yang merasakan diri mereka tidak cukup baik atau tidak setaraf sama ada dari segi ilmu ataupun amalan agama berasa rendah diri bimbang tidak memenuhi jangkaan sosial yang dikaitkan dengan identiti ‘anak ustaz’. Persepsi dan jangkaan sosial ini menjadi halangan awal kepada ruang perkenalan dan menutup peluang mengenal hati budi masing-masing. Hal ini memperlihatkan kesukaran menemukan pasangan calon bukan disebabkan faktor individu semata-mata tetapi persepsi, jangkaan dan norma dalam masyarakat turut menyumbang kepada kesukaran ini.

#### **4.2 Memberi Keutamaan Kepada Kerjaya**

Faktor kerjaya seperti belum mendapat pekerjaan yang tetap dan stabil serta terlalu fokus kepada kerjaya juga menyumbang kepada perkahwinan lewat dalam kalangan peserta. Kesibukan mencari kerja menyebabkan peserta tiada masa memikirkan soal perkahwinan.

*“Mungkin sibuk mau cari kerja masa tu kan. Otak saya fikir eh bila lah aku boleh dapat kerja ni. Bila lah aku boleh dapat kerja, maksudnya masa tu (perkahwinan) tak prioriti lah juga tu kan. Jadi bila ada terfikir tekanan begitu tu kan, tak sudah saya fikir macam yang orang berkenalan tu kan”.*

Peserta 1

Sementara peserta yang lain mengatakan tumpuan terhadap pembangunan kerjaya yang baru bermula mengakibatkan beliau tidak memikirkan dan mencari calon pasangan.

*“Saya punya ni (kerjaya) baru bermula. Haa. Jadi saya nda berfikir. Saya nda mencari”.*

Peserta 2

Daripada dapatan ini dapat dikatakan kerjaya yang stabil sangat penting dan mempengaruhi keputusan seseorang untuk berkahwin. Perkahwinan tidak menjadi keutamaan dalam hidup ketika kerjaya belum stabil. Ini bermakna kerjaya yang stabil perlu dicapai terlebih dahulu sebelum memikul tanggungjawab berkeluarga. Hal ini kerana kestabilan ekonomi merupakan asas kehidupan berkeluarga. Walau bagaimanapun ketika status sosio-ekonomi menjadi stabil, usia mereka pada ketika itu agak lewat untuk berkahwin. Selain itu, tahap pendidikan yang tinggi juga mendorong seseorang untuk mengutamakan pembangunan diri dan kerjaya sebelum mempertimbangkan untuk berkahwin (Shukor et.al 2021, Bhawna Vijay. 2021).

### 4.3 Ketiadaan Faktor Penolak (Push Factor)

Tiada atau kurang faktor penolak atau ‘push factor’ yang dirasakan peserta menyumbang kepada penangguhan perkahwinan. Ketiadaan faktor penolak atau ‘push factor’ menjadikan peserta leka dan selesa dengan keadaan diri dan kehidupan.

*“Faktor sunyi kan tadi bila saya macam kurang faktor-faktor begitu kan dia ‘push factor’ tu tak berapa lah kan. Saya jadi leka”.*

Peserta 1

*“Saya pun masa tu memang selesa lah juga kan. haa..maksudnya. Dan saya pun ndalah serabut haa. Maksudnya macam ni macam ni haa. Dan saya sunyi tu pun nda juga masa tu. Walaupun saya sudah rasa masa tu sudah 30 tahun kan”.*

Peserta 2

Kenyataan di atas menggambarkan peserta selesa dengan keadaan diri dan kehidupan mereka. Tidak merasa sunyi, tidak serabut menunjukkan kehidupan peserta terkawal dan tiada tekanan emosi. Tiada faktor penolak iaitu tekanan/desakan emosi menjadikan peserta tidak tergesa-gesa untuk berkahwin dan menjadi lebih selesa dalam status bujang mereka.

Selain itu, dapatan kajian turut menemukan ketiadaan faktor penolak daripada keluarga turut menyumbang kepada kecenderungan peserta melewati perkahwinan. Peserta tidak merasakan wujudnya tekanan atau desakan yang kuat daripada ibu bapa atau adik-beradik untuk segera berkahwin. Hal ini menyebabkan peserta berada dalam keadaan yang lebih santai dan tidak merasakan keperluan mendesak untuk berkahwin.

*“Saya jadi leka sebab itulah kenapa saya rasa mungkin orang sekeliling saya kan macam parents saya, adik-adik saya kan, diorang macam inda terlampau memaksa benda tu. Jadi bila dorang inda terlampau memaksa saya, kita kurang lah..jadi leka lah”.*

Peserta 1

*“Macam family saya pun mungkin dia sudah terbuka minda kan. Mungkin mama saya pun kerja. Bapa pun kerja. Jadi dorang pun ada bergaul dengan orang yang umur-umur (macam saya) pun belum kahwin juga. Jadi diorang pun ndalah juga mendesak tu kan”.*

Peserta 2

Peserta kajian 1 menjelaskan bahawa keluarganya yang tidak terlalu memaksa untuk berkahwin menyebabkan peserta leka kerana tidak merasakan sebarang tekanan sosial daripada pihak keluarga. Demikian peserta kajian 2 mengakui bahawa keluarganya juga tidak mendesak beliau untuk berkahwin sebaliknya lebih bersikap terbuka dan memahami. Ketiadaan ‘push factor’ dari keluarga menyebabkan peserta berasa selesa dengan keadaan diri dan tiada keperluan untuk menyegerakan perkahwinan.

Dapatan ini menunjukkan keluarga yang tidak masuk campur atau tidak menetapkan jangkaan tertentu mengenai usia atau masa anak-anak perlu berkahwin dan sebagainya menyebabkan anak-anak cenderung mengutamakan perkara lain dalam hidup. Justeru itu, institusi keluarga perlu memainkan peranan terutamanya ibu bapa dalam memerhatikan keperluan anak-anak berpasangan. Ibu bapa seharusnya dapat memberikan panduan, bimbingan dan sokongan terhadap anak-anak dalam urusan jodoh. Jika ada keperluan, ibu bapa boleh mencarikan calon

pasangan yang sesuai untuk anak-anak (Ishaaq & Ahamad Faosiy, 2017). Bagaimanapun ini tidak bermakna ibu bapa memberikan tekanan atau menetapkan siapa jodoh pilihan anak-anak sebaliknya lebih kepada memberi panduan dan sokongan apa yang diperlukan mereka.

## 5. Kesimpulan

Dapatan awal menunjukkan faktor utama perkahwinan lewat dalam kalangan peserta adalah kesukaran menemukan calon pasangan yang berpotensi dan sesuai. Hal ini disebabkan oleh standard yang tinggi dalam pemilihan calon, tidak sekufu antara calon, faktor penampilan dan usia, kurang bergaul dan jaringan sosial yang terhad serta persepsi dan jangkaan sosial. Kesukaran peserta menemukan calon pasangan yang berpotensi dan sesuai bukanlah pilihan individu semata-mata tetapi dipengaruhi struktur peluang, persepsi, jangkaan dan norma sosial. Selain itu, faktor memberi laluan kepada pembangunan kerjaya dan kestabilan ekonomi sebelum berkahwin serta tiada faktor penolak dari segi emosi dan keluarga menyebabkan perkahwinan tidak menjadi keutamaan dan keperluan yang perlu disegerakan. Dan akhirnya membawa kepada perkahwinan lewat. Hal ini menggambarkan perubahan norma sosial yang semakin menerima status bujang pada usia yang lebih matang.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah yang membiayai penyelidikan ini di bawah Geran Dana Kluster: DKP 0122

## Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Abdul Shukur Abdullah, Tey, N. P., Mahpula, I. N., Azmana, N. A. A., & Abdul Hamid, R. (2021). Delayed marriage in Malaysia: Trends and implications. *International Journal of Institutions and Economies*, 13(4), 5–34.
- Al-Zuhayli, W. (2002). *Al-fiqh al-islami wa adillatuh* (Jil. berkaitan munakahat). Damascus: Dar al-Fikr.
- Antfolk, J. (2017). Age limits: Men's and women's preferences for the age of their partners. *Evolutionary Psychology*, 15(1), 1–12. <https://doi.org/10.1177/1474704917690401>
- Azwan, A., Hashim, I., & Endut, N. (2015). "Don't marry, be happy!": How single women in Malaysia view marriage. *SHS Web of Conferences*, 18, Article 03001. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20151803001>
- Bagi, M. (2023). Reasons for delayed marriage and its determinants in Iran. *Journal of Applied Sociology*, 34(1), 31–50.
- Becker, G. S. (1974). Marriage, family human capital, and fertility. *Journal of Political Economy*, 82(2), S2–S21.
- Buss, D. M. (1989). Sex differences in human mate preferences: Evolutionary hypotheses tested in 37 cultures. *Behavioral and Brain Sciences*, 12(1), 1–49.
- Buss, D. M., & Barnes, M. (1986). Preferences in human mate selection. *Journal of Personality and Social Psychology*, 50(3), 559–570.
- Fatimah Abdullah, Musa, M. Z., & Mat Zain, F. (2010). Perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat CAM. *SARI: International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(2), 155–173.

- Ghazal, S., Akram, I., Andleeb, S., Raza, M. A., & Asif, M. (2022). Growing issue of late marriages in Pakistan: A qualitative study. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 23(2), 1–13.
- Ishaaq El-Mubarak, & Ogunbad, A. F. (2017). Late marriage in Islam: Malaysia as a case study. *International Journal of Innovative Knowledge Concepts*, 5(7), 1–10.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Al-Kafi #1153: Maksud sekufu dalam perkahwinan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3201-al-kafi-1153-maksud-sekufu-dalam-perkahwinan>
- Kumar, S. S. (2021). Globalisation and its impact on delayed marriage age in India: A gender perspective. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*, 26(6), 32–34.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2017). Laporan penemuan utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima 2014. Kuala Lumpur: LPPKN.
- Mao, F., Ma, L., He, Q., & Xiao, G. (2020). Match making in complex social networks. *Applied Mathematics and Computation*, 371, 124928. <https://doi.org/10.1016/j.amc.2019.124928>
- Mastur, H. R., Al-Tkhayneh, K. M., & Jabarah, T. A. (2023). The causes of delayed marriage among young men: An analytical descriptive study of a sample of Al Ain University students. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 12(2), 212–223.
- Md Nor, N. N. F., & Yaakob, U. H. (2014). Perubahan komposisi penduduk Malaysia 1970–2010. *International Journal of Environment, Society and Space*, 2(2), 10–20.
- Nurishah Haji Ahmad. (1990). Kahwin lambat di kalangan wanita: Sebab, kesan dan pandangan masyarakat terhadapnya (Latihan ilmiah tidak diterbitkan). Fakulti Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurul Ain Hassan, & Vellymalay, S. K. N. (2018). Wanita bekerja dan kahwin lewat: Satu kajian di Kuantan, Pahang. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15(5), 128–144.
- Nurul Izati Mohd Zahir, Kusrin, Z. M., & Abdul Rahim, N. C. (2025). Persepsi wanita Muslim di Selangor berkaitan faktor perkahwinan lewat usia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 10(1), 19–30.
- Othman, N. S., Ma'rof, A. A., Abdullah, H., & Kamarudin, M. S. (2023). Exploring the experiences and perceptions of expert panels on the rise of out-of-wedlock pregnancies among adolescents and youths in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(14), 83–96.
- Peng, T. N. (2007). Trends in delayed and non-marriage in Peninsular Malaysia. *Asian Population Studies*, 3(3), 243–261.
- Puteri Amylia Ulul Azmi, & Suzana Mohd Hoesni. (2019). Gambaran preferensi pemilihan pasangan hidup pada mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *An-Nafs: Jurnal Fakultas Psikologi*, 13(2), 96–107.
- Ratnani, I. P., Mukhlis, & Benazir, A. (2021). Studi deskriptif preferensi pemilihan pasangan hidup antara pria dan wanita pada dewasa awal. *Psikobuletin: Buletin Ilmiah Psikologi*, 2(1), 7–14.
- Siti Haizani Mat Delin, & Zaimah, R. (2022). Kebarangkalian berkahwin lewat dalam kalangan generasi milenium. *Akademika*, 92(2), 113–127.
- Siti Zaleha Ibrahim. (2017). Gejala kahwin lewat: Implikasinya terhadap maqasid al-syariah. Dalam 3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC) (hlm. 61–69). Shah Alam.
- Suresh Kumar, N. Vellymalay, & Awang, N. (2021). Bujang terlajak: Fenomena kahwin lewat dalam kalangan wanita di Malaysia. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Syh Noorul Madidah. (2017). Gelagat perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu Muslim menurut perspektif syariah (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya.

- Vijay, B. (2024). Exploring the dynamics of late marriage: The role of education in shaping marital timings. *International Journal for Multidisciplinary Research*, 6(2), 1–4.
- Zamali Tarmudi, Razizi Tarmuji, & Nor Alhana Abd Malik. (2014). Pemilihan pasangan hidup bercirikan nilai-nilai Islam: Pendekatan kabur. *Malaysian Journal of Mathematical Sciences*, 8(1), 139–155.